

18 MAY 2002  
Felda-Konvensyen  
KONVENSYEN GENERASI KEDUA FELDA PADA 10 OGOS INI

SEREMBAN, 18 Mei (Bernama) -- Yayasan Pembangunan Generasi Felda Malaysia (YPGFM) akan mengadakan konvensyen dan simposium besar-besaran di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 10 Ogos depan, kata Presidennya Zainudin Ismail.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan konvensyen sehari itu yang dijangka akan disertai lebih 4,000 peneroka dan generasi muda Felda dari seluruh negara, katanya kepada Bernama selepas mesyuarat agung persatuan itu yang dirasmikan oleh Pengerusi Felda Datuk Dr Mohd Yusof Noor, di sini hari ini.

Zainudin berkata pada konvensyen itu nanti, YPGFM akan menerangkan hala tuju generasi kedua Felda terutama dalam masalah pendidikan, perniagaan, perumahan dan penyambung tugas ibu bapa mereka sebagai peneroka Felda.

Mengenai dialog dengan Mohd Yusof, YPGFM menyarankan supaya beberapa sekolah di kawasan Felda diwujudkan asrama dan memohon lot tanah untuk projek perumahan generasi kedua Felda.

Zainudin berkata pencapaian anak-anak peneroka Felda masih rendah dan mendukacitakan. Misalnya dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) hanya 51.8 peratus, manakala dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) hanya 47 peratus yang lulus tahun lepas.

Justeru itu, beliau meminta semua pihak supaya berusaha memotivasi dan menyedarkan pelajar betapa pentingnya pendidikan kepada mereka kerana tanpa pendidikan yang baik, sukar untuk mereka mengubah keadaan hidup mereka.

Cadangan terbaru kerajaan supaya mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam Bahasa Inggeris mulai tahun depan, anak-anak peneroka perlu bersedia mengikut arus perubahan itu dan perlu berazam untuk menguasai bahasa tersebut.

Katanya, rata-rata anak peneroka Felda lemah dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris dan sudah tentu ramai yang akan keciciran jika mereka tidak berusaha bersungguh-sungguh.

YPGFM turut menggesa agar Yayasan Felda memberi keutamaan kepada anak-anak peneroka Felda untuk diberi biasiswa dan pinjaman ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Zainudin berkata, selain pendidikan, YPGFM juga meminta pihak pengurusan Felda supaya menyediakan lot tanah untuk membina rumah bagi generasi kedua dan tapak industri kecil dan sederhana (IKS).

Setakat ini hanya Felda Jengka, Pahang yang telah diluluskan tanah untuk IKS dan perumahan, serta berharap lebih banyak tanah akan diberikan untuk membangunkan rumah di negeri-negeri lain.

--BERNAMA  
AS APG ZB